

**SIARAN AKHBAR  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**PEMBUKAAN LEBUHRAYA PENYURAIAN TRAFIK TIMUR,  
(EASTERN DISPERSAL LINK) JOHOR BAHRU, JOHOR KEPADA LALULINTAS  
PADA 1 APRIL 2012**

---

Johor Bahru, 31 Mac 2012– Pada 1 April 2012 (Ahad) Mulai 12.01 malam, Lebuhraya Penyuraian Trafik Timur (Eastern Dispersal Link (EDL)) akan mula dibuka kepada lalulintas. Lebuhraya sepanjang 8.1 kilometer ini akan menyediakan akses secara terus dari Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) ke Bangunan Sultan Iskandar. Kerajaan sedang memuktamadkan kaedah pelaksanaan bayaran yang bakal dikenakan.

Lebuhraya EDL menawarkan kemudahan tiga (3) lorong dua (2) hala dari Persimpangan Bertingkat Pandan di KM0.00 Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) sehingga ke Bangunan Sultan Iskandar. Dengan siapnya Lebuhraya EDL ini, masa perjalanan dari Persimpangan Bertingkat Pandan ke Bangunan Sultan Iskandar akan menjadi lebih cepat iaitu sekitar 10 minit sahaja berbanding 45 minit melalui jalan sedia ada.

Disahkan oleh :

  
**(DATO' IR. HJ. ISMAIL BIN MD. SALLEH)**  
Ketua Pengarah  
Lembaga Lebuhraya Malaysia